

BASIKAL MANIA



Antara peserta terpanas yang berjaya mengharungi jalan berbukit dan tidak rata.

Fun Ride jadi pilihan

UTHM CC anjur 19 program basikal sempena majlis konvokesyen ke-13

KAMARUL HALIM M KAMAL

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Cycling Club berjaya menganjurkan 19 aktiviti bersama beberapa kelab berbasikal di daerah ini sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 UTHM, baru-baru ini.

Wakil Pengurus UTHM Cycling Club, Mohd Azwan Busu berkata, program itu merupakan rutin tahun-

an kelab setiap kali majlis konvokesyen bagi merapatkan hubungan ahlinya dengan ahli kelab berbasikal lain.

Menurutnya, sempena majlis konvokesyen kali ini, 19 aktiviti di-anjurkan antaranya *Fun Ride*, *Mini Century Ride* dan *Motocross Freestyle Show* yang berjaya menarik 300 penyertaan.

“Bagaimanapun aktiviti paling ramai disertai ialah *Fun Ride*, di mana aktiviti berkenaan merupakan menunggang basikal secara santai secara beramai-ramai mengelilingi UTHM.

“Selain merapatkan hubungan, ia juga sebagai acara untuk memberikan penerangan kepada orang luar mengenai suasana kampus UTHM dan kehidupan sehari-hari warganya.

“Dengan adanya program seperti ini, ia mampu menarik orang ramai

hadir ke Pesta Konvokesyen UTHM setiap tahun dan merupakan acara wajib bagi penunggang basikal di daerah ini,” katanya.

Mohd Azwan berkata, antara kelab berbasikal luar yang terlibat adalah Parit Raja Cycling Club (PRB), Recnviro, Vexplorer (Vect) dan Asal Boleh Cycling Team (ABCT).

Katanya, dia turut berharap penyertaan daripada kelab berbasikal luar kampus akan bertambah bagi memeriahkan majlis konvokesyen UTHM setiap tahun.

“Setelah 13 kali pengajuran yang mendapat kerjasama kelab berbasikal Soul Perfection, penyertaan makin bertambah.

“Kali pertama kita adakan program ini, tidak sampai 50 peserta yang menyertainya,” katanya

Fun Ride, program santai berbasikal mengelilingi kampus UTHM merupakan aktiviti paling banyak penyertaan.



Empat peserta gembira setelah berjaya mengharungi jalan yang mencabar stamina mereka.



Peserta saling bersaing untuk mendahului perlumbaan.



Fun Ride merupakan aktiviti yang paling banyak penyertaan yang merupakan program santai mengelilingi kampus UTHM.